

Bahagian A [15 markah]

Jawab semua soalan

1

- Membentuk kerjasama ekonomi dan teknikal antara negara anggota
- Mengurangkan kebergantungan ekonomi dengan negara-negara maju

Penyataan di atas merujuk kepada

- A Dialog Utara-Selatan
 - B Kerjasama Selatan-Selatan
 - C Pergerakan Negara-Negara Berkecuali
 - D Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara
2. Yang manakah merupakan kerjasama politik dalam ASEAN ?
- I Konsep Segitiga Pertumbuhan Ekonomi
 - II Penyelesaian isu Kampuchea secara aman
 - III Membentuk kawawasan Perdagangan Bebas ASEAN
 - IV Menjadikan Asia Tenggara rantau bebas daripada senjata nuklear
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
3. Yang manakah faktor-faktor yang menentukan dasar luar Malaysia?
- I Keselamatan
 - II Kesihatan
 - III Ekonomi
 - IV Pengaruh
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

4. Had bagi pengurusan dan eksploitasi kekayaan perairan bagi sesebuah negara ditentukan melalui

- A Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE)
- B Zon Aman Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)
- C Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)
- D Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia –Malaysia-Thailand

5 Yang manakah merupakan hasil kerjasama ekonomi ASEAN?

- A Menggunakan mata wang ASEAN
- B Mewujudkan satu blok perdagangan
- C Mewujudkan projek perindustrian dalam kalangan negara anggota
- D Mewujudkan peluang baharu dalam hubungan ekonomi antarabangsa

6.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Malaysia menjadi pengasas Skim Takaful Insurans• Mesir menubuhkan Syarikat Pemasaran dan Perdagangan Antarabangsa |
|--|

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Sidang kemuncak Asia Timur
- B. Dialog Antarabangsa Langkawi
- C. Kerjasama Ekonomi Asia – Pasifik
- D. Kumpulan Lapan Negara Membangun

7. Yang manakah merupakan kes yang dikendalikan oleh Mahkamah Jenayah Antarabangsa?

- A. Pencerobohan sempadan
- B. Pertindihan tuntutan wilayah
- C. Isu perebutan pulau di Laut China Selatan.
- D. Jenayah pembunuhan kaum beramai-ramai

*kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

8

- Mewujudkan dialog antara budaya dan tamadun
- Mempertimbangkan cadangan Aturan Pembayaran Perdagangan Berasaskan

Penyataan di atas merujuk kepada

- A Pertubuhan Persidangan Islam
 - B Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
 - C Pergerakan Negara-Negara Berkecuali
 - D Pertubuhan Negara-Negara Komanwel
9. Yang manakah pendirian Malaysia dalam isu Antartika ?
- A Antartika sebagai kawasan ujian senjata bersama
 - B Kekayaan sumber alam digunakan untuk negara membangun
 - C Ekologi dan alam sekitar mesti dipertahankan untuk kepentingan sejagat
 - D Negara-negara maju diberi hak untuk menguruskan kekayaan sumber alam
- Antrtika

10. Yang manakah penglibatan Malaysia dalam Kumpulan Perundingan Pusingan Uruguay?

- A Perundingan tentang faedah pinjaman
- B Perundingan tentang bantuan ketenteraan
- C Perundingan tentang penerokaan sumber alam
- D Perundingan tentang kadar pertukaran mata wang

11 . Yang manakah kekangan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam menegakkan matlamat pertubuhannya?

- I. Masalah kewangan negara penyumbang
 - II. Penyalahgunaan kuasa veto oleh kuasa besar
 - III. Sistem politik yang berlainan di pelbagai negara
 - IV. Negara kuasa besar tidak menghormati prinsip PBB
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

*kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

12.

- Mengadakan dialog politik, kerjasama ekonomi dan dialog peradaban budaya
- Mewujudkan kerjasama antara dua benua

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. Forum Serantau ASEAN (ARF)
- B. Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM)
- C. Dialog Antarabangsa Langkawi (LID)
- D. Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)

13. Yang manakah merupakan objektif Pergerakan Negara-Negara Berkecuali(NAM)?

- I. Meningkatkan kesedaran hak asasi manusia
 - II. Menyelesaikan masalah diskriminasi manusia
 - III. Mengurangkan kerjasama ekonomi dan politik
 - IV. Menyokong negara dari mana-mana blok dunia
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

14.

- Penubuhan Pusat Pertukaran Data Pelaburan dan Teknologi Selatan
- Kumpulan Pakar bagi Pertukaran Maklumat (EINEP)

Pernyataan di atas merujuk

- A. Komanwel
- B. Kumpulan 15
- C. Kerjasama Selatan-Selatan
- D. Kumpulan Lapan Negara Membangun

*kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

15. Yang manakah menunjukkan hubungan Malaysia dengan Komanwel?
- I. Mewujudkan institusi Asia-Eropah
 - II. Mendapat bantuan teknikal dan biasiswa
 - III. Mengelak ancaman komunis di Tanah Melayu
 - IV. Membentuk kerjasama kebudayaan dengan Eropah
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

Bahagian B [15 markah]

16 Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, huraikan pola eksport petroleum mentah Malaysia dari tahun 2009 hingga tahun 2011. Terangkan kesan-kesan peningkatan eksport petroleum kepada negara.

**Malaysia: Kadar Eksport Petroleum Mentah Mengikut Negara Utama
Dari Tahun 2009 hingga Tahun 2011**

| Negara | Tahun (%) | | |
|-----------|-----------|------|------|
| | 2009 | 2010 | 2011 |
| Thailand | 14.6 | 17.3 | 16.3 |
| Singapura | 1.3 | 2.6 | 4.8 |
| India | 15.2 | 19.0 | 23.3 |
| Indonesia | 5.9 | .2 | 8.3 |
| Korea | 11.4 | 7.1 | 7.0 |
| Australia | 10.4 | 12.5 | 16.5 |

(Dipetik dan diubahsuai daripada Buku Tahunan Perangkaan Malaysia,2012)

17 Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, huraikan jumlah kemasukan pekerja asing yang berdaftar dengan Jabatan Imigresen di Malaysia mengikut sektor dan negara asal pada tahun 2008 . Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan mereka keluar dari negara asal?

**Malaysia: Jumlah Pekerja Asing Berdaftar Mengikut Sektor dan Negara Asal pada
Tahun 2008**

| Sektor | Pekerja Asing (orang) | | | | Jumlah |
|----------------|-----------------------|----------------|---------------|---------------|------------------|
| | Indonesia | Bangladesh | Thailand | Filipina | |
| Pembantu rumah | 195 418 | 316 | 23 | 13 357 | 209 114 |
| Pembuatan | 314 841 | 101 248 | 4 424 | 4 808 | 425 321 |
| Perladangan | 130 279 | 88 592 | 5 056 | 801 | 224 728 |
| Pembinaan | 325 697 | 31 640 | 3 558 | 2 671 | 363 566 |
| Perkhidmatan | 21 713 | 56 952 | 3 792 | 1 870 | 84 327 |
| Jumlah | 987 948 | 278 748 | 16 853 | 23 507 | 1 307 056 |

(Disesuaikan daripada Laporan Kementerian Dalam Negeri,2009)

SULIT*

Pilih **dua** soalan daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

18. Selain daripada mencetuskan Konsep Zon Aman , Bebas, dan Berkecuali (ZOPFAN), Malaysia juga memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kestabilan di rantau ini. Bincangkan

19. Malaysia telah dijadikan negara destinasi dan transit bagi kes-kes jenayah merentasi sempadan. Jenayah ini turut menular ke beberapa buah negara yang lain dan keadaan ini harus ditangani dengan segera. Huraikan

20. Perubahan iklim dunia semakin ketara menyebabkan kemarau berpanjangan dan bencana banjir besar serta kemusnahan hidupan bumi.

Jelaskan penglibatan Malaysia dalam menangani isu ini di peringkat global.